KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR

## 6 MAC 2020 (JUMAAT)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 6 MAC 2020 (JUMAAT)

Harian Metro

HARI : JUMAAT

TARIKH : 6/3/2020

M/SURAT : 31A

# Boleh beli, tapi...

## *Farmasi jalan urus niaga bersyarat diserbu KPDNHEP*

**Oleh Siti Rohana Idris**
am@hmetro.com.my

**Pasir Mas**

Tidak boleh membeli penutup mulut dan hidung sahaja, tetapi perlu dibeli bersama cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).

Itu pembelian bersyarat yang dikenakan sebuah farmasi di pusat bandar di sini, sebelum premis itu diserbu selepas pihak berkuasa menerima aduan awam, semalam.

Serbuan pada jam 9.15 pagi itu dijalankan lima penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Pasir Mas.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah KPDNHEP Cawangan Pasir Mas Asmadi Shafii berkata, seorang pegawai penguat kuasa membuat penyamaran sebagai pelanggan terlebih dahulu.



PENGUAT kuasa KPDNHEP cawangan Pasir Mas menyerbu farmasi yang mengambil kesempatan, semalam.

"Hasil penyamaran mendapati penutup mulut dan hidung dijual secara bersyarat iaitu mesti membuat pembelian bersama cecair pembasmi kuman.

"Penutup mulut dan hidung adalah barangan kawalan, tetapi cecair pembasmi kuman tidak termasuk dalam kategori itu.

**Penguat kuasa menyamar sebagai pelanggan**

"Memang menjadi kesalahan jika ada peniaga yang mengambil kesempatan menjalankan urus niaga seumpama ini," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Asmadi berkata, pemilik premis berusia 46 tahun disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kerana membuat jualan bersyarat terhadap barang harga terkawal iaitu penutup mulut dan hidung tiga lapisan.

Menurutnya, jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Ini adalah kes pertama di Kelantan. Peniaga dinasihatkan tidak cuba mengaut keuntungan dengan membuat jualan bersyarat terhadap mana-mana barang harga terkawal.

"Kami sentiasa menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa terhadap peniaga di daerah ini bagi memastikan pengguna tidak terbeban dan tertipu dengan aktiviti perniagaan yang tidak sepatutnya," katanya.

Harian Metro

HARI : JUMAAT
TARIKH : 6/3/2020
M/SURAT : 33A

# Cermin mata tiruan jual harga asli

**Temerloh:** Cermin mata tiruan, dijual pada harga jenama asli.

Itu modus operandi dua premis di sebuah pasar raya di daerah ini yang menjual cermin mata jenama terkenal disyaki tiruan untuk mengaut keuntungan berlipat kali ganda.

Bagaimanapun, kegiatan mereka tumpas apabila diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang dalam Ops Jeriji, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali berkata, 316 cermin mata bernilai RM95,120 dirampas.

Katanya, ia merupakan kes pertama membabitkan kesalahan menggunakan cap dagangan palsu di Pahang tahun ini.

"Serbuan bermula jam 11.30 pagi membabitkan pegawai penguat kuasa KPDNHEP Cawangan Temerloh dengan hasil kerjasama wakil cap dagang.

"Seorang lelaki dan wanita tempatan masing-masing berusia 34 dan 28 tahun ditahan dalam serbuan itu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat KPDNHEP Cawangan Temerloh di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Cawangan KPDNHEP Temerloh, Abdul Razak Yahaya.

Ahmad Fitri berkata, dua individu terbabit direman empat hari untuk membantu siasatan.

Katanya, mereka disyaki mempunyai dalam milikannya bagi maksud perdagangan iaitu memakaikan dengan salah cap Dagangan berdaftar pada barang kes cermin mata itu di bawah Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.



AHMAD Fitri (tengah) menunjukan cermin mata tiruan yang dirampas.

> *Serbuan bermula jam 11.30 pagi membabitkan pegawai penguat kuasa KPDNHEP Cawangan Temerloh dengan hasil kerjasama wakil cap dagang"*
>
> **Ahmad Fitri**